



اونيورسيتي مليسيا قهغ السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
 KALI KE 126 BIL 52/2023**

**PENGESAHAN PELAJAR PRASISWAZAH TINGGAL DI RESIDEN PELAJAR
 BAGI SEMESTER II SESI 2023/2024**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

1. Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas. **PELAJAR PRASISWAZAH** yang telah ditawarkan penginapan asrama bagi Semester II Sesi Akademik 2023/2024 perlu membuat pengesahan **bersetuju/tidak bersetuju** menerima tawaran penginapan asrama melalui medium E-community pelajar. Sehubungan dengan itu, semua **PELAJAR PRASISWAZAH** yang sedang menginap di Residen Pelajar perlu mematuhi prosedur ini:

<p>Pelajar Yang WAJIB Kekal Tinggal di Residen Pelajar pada Sem II Sesi 2023/2024</p> <p>(KATEGORI A)</p>	<p>Pelajar Yang Dibenarkan Membuat Daftar Keluar Pada Sem II Sesi 2023/2024</p> <p>(KATEGORI B)</p>
<p>1. Berikut adalah kategori pelajar yang WAJIB tinggal di Residen Pelajar pada Semester 2 Sesi 2023/2024:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pelajar Tahun 1 dan Tahun 2 (Pelajar perlu mendapatkan kelulusan dari Pengarah Perkhidmatan Pelajar melalui Sistem Pengesahan Tinggal Di Residen Pelajar – (Student Residence Attestation System)) ii. Pelajar Laluan Khas (Badan Uniform, Ulul Albab, Dwi Ijazah, PEKA, MPP dan lain-lain kecuali bagi pelajar yang termasuk dalam Kategori B) 	<p>1. Berikut adalah kategori pelajar yang dibenarkan untuk membuat proses daftar keluar (check out):</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pelajar yang akan bergraduasi ii. Pelajar yang akan menjalani Latihan Industri iii. Pelajar yang mengikuti program pertukaran pelajar iv. Pelajar yang menangguhkan pengajian/menarik diri dari UMP.

<p>2. Pelajar yang Wajib tinggal di Residen Pelajar dan lain-lain pelajar masih mahu menginap di Residen Pelajar pada Semester II Sesi Akademik 2023/2024 perlu melengkapkan Sistem Pengesahan Tinggal Di Residen Pelajar secepat-lewatnya pada 29 Disember 2023 melalui E-community> Sistem Pengesahan Tinggal Di Residen Pelajar (<i>Student Residence Attestation System</i>)</p>	<p>2. Pelajar WAJIB melengkapkan Sistem Pengesahan Tinggal Di Residen Pelajar secepat-lewatnya pada 29 Disember 2023 melalui E-community>Sistem Pengesahan Tinggal Di Residen Pelajar (<i>Student Residence Attestation System</i>)</p>
<p>Untuk makluman, Jabatan Bendahari UMP telah melaksanakan Polisi Yuran Asrama Tanpa Pulangan (No Refund Policy). Oleh itu, pelajar yang telah melengkapkan prosedur ini dianggap telah BERSETUJU untuk dikenakan yuran asrama pada semester hadapan tanpa pemulangan.</p>	<p>3. Pelajar perlu membuat Daftar keluar (check out) secepat-lewatnya pada 12 Febuari 2024 melalui E-community:</p> <p><i>E-community>Hostel Check out>cetak borang check out>hantar kunci dan borang check out beserta video keadaan bilik.</i></p>

2. Pelajar pra-siswazah yang menginap di RP boleh membuat pengesahan melalui E-community bermula pada **19 – 29 Disember 2023**.
3. **Pelajar yang tidak melengkapkan sebarang proses di atas, dianggap BERSETUJU untuk menginap di residen pelajar dan akan dikenakan yuran asrama pada semester hadapan tanpa sebarang pulangan.**
4. Pelajar dialu-alukan hadir ke Pejabat Residen Pelajar atau emelkan sebarang pertanyaan berkaitan perkara di atas ke residen@ump.edu.my .
5. Untuk pertanyaan *No Refund Policy*, pelajar boleh emelkan kepada Jabatan Bendahari di collection1@ump.edu.my

Dikeluarkan oleh:
Pusat Perkhidmatan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
19 Disember 2023